

Penulisan Fuqaha Mengenai *Hisbah* dan Peranannya Di Dalam Merealisasikan Hukum Fiqh

Ahmad Che Yaacob

Abstract

Al-Hisbah is one of the enforcement units in Islam. It is to enjoin al-Ma'rūf and to forbid al-Munkar. This article elaborates the development of this institution from the beginning of Islam to the medieval age. The writer discusses two types of Hisbah manuals i.e. theory and practice, written by ulama' and those involved directly with it and also the scope of muhtasib jurisdiction.

1. Pendahuluan

Institusi *hisbah* merupakan salah satu dari komponen institusi pengadilan Islam dan mempunyai kaitan dengan institusi *qadā'*, *mazālim* dan *shurtah*. Di dalam menjalankan peranannya, institusi *hisbah* telah mengalami proses perkembangan selari dengan tuntutan masa dan tempat. Prinsip dan doktrin atas *hisbah* telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Namun ia hanya berkembang menjadi sebuah institusi yang tersendiri semasa al-Māwardī (meninggal 450H). Serentak dengan perkembangan pembentukan struktur organisasi *hisbah*, para fuqaha juga telah memainkan peranan di dalam mempertingkatkan karya-karya mereka.

Fuqaha' silam yang terkenal seperti al-Māwardī, Abū Ya'lā al-Farrā', al-Ghāzalī, Ibn Taymiyyah dan lain-lain telah menulis secara khusus mengenai *hisbah*. Ada kalangan mereka yang menulis mengenai *hisbah* hanya di dalam satu bab

sahaja dan ada pula yang menulisnya di dalam satu buku. Manakala di sana terdapat pula satu bentuk penulisan yang lebih khusus mengenai *hisbah*. Ia ditulis sebagai rujukan kepada *muhtasib* iaitu pegawai yang menjalankan tugas *hisbah*. Penulisan bentuk kedua ini banyak ditulis oleh *muhtasib* sendiri untuk kegunaan para *muhtasib* yang lain dalam melaksanakan tugas mereka.

Tulisan ini akan membincangkan kedua-dua bentuk penulisan mengenai *hisbah* dan menjelaskan perkembangan yang berlaku di sepanjang pelaksanaannya sejak awal Islam hingga zaman pertengahan (*middle ages*). Ia sekaligus boleh menjelaskan apakah peranan *hisbah* di dalam merealisasikan perundangan Islam.

2. Pengenalan Institusi *Hisbah*

2.1 Pengertian *Hisbah* Dari Segi Bahasa

Perkataan *hisbah* dari segi bahasa berasal dari kata kerja *ihtisaba*, *yahtasibu*, *ihtisabān* mempunyai beberapa maksud:

Pertama, ia bermaksud mengharapkan ganjaran pahala dari Allah (*talab al-ajr*).¹

Kedua ialah menegah perbuatan yang dilarang oleh syarak melakukannya.²

Ketiga, dari perkataan *ihtasaba*, *yahtasibu* pula ialah memikirkan tentang kemungkinan-kemungkinan yang boleh terjadi. Maksud ini banyak digunakan oleh al-Qur'an seperti 65:2-3, 39:47 dan 59:2.

Keempat ialah membuat kiraan (*to calculate*) atau jangkaan (*to estimate*). Ia telah digunakan di dalam al-Qur'an seperti 4:6, 17:14 dan 33:39.

Kelima ialah *hisbah* diambil dari kata kerja *ḥāsaba*, *yūḥāsibū*, *muḥāsabah* yang bermaksud menilai diri sendiri atau melakukan *muḥāsabah* (*to examine one's conscience*). Penggunaan maksud ini dapat dilihat dari peristiwa 'Umar al-Khattāb yang telah mengarahkan Ḥātib b. Abī Balta'ah supaya menaikkan harga resinnya atau meninggalkan pasar. Setelah mereka berpisah 'Umar menilai semula arahan yang dibuatnya (*ḥāsaba nafsah*), lalu dia pergi ke rumah Ḥātib. 'Umar kemudian menyatakan beliau telah tersilap dan terpulanglah kepada Ḥātib untuk menjual resinnya sebagaimana yang beliau kehendaki.³

2.2 Pengertian Hisbah Dari Segi Istilah

Secara umumnya para sarjana Islam di zaman pertengahan (*medieval Islamic jurists*) bersepakat mendefinisikan *hisbah* sebagai mengajak kepada yang makruf dan menegah yang mungkar (*al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar*).⁴ Ini sebenarnya adalah kewajipan yang telah difardhukan oleh Allah di dalam al-Qur'an sebagaimana firmanNya;

"Hendaklah ada dari kalangan kamu satu golongan yang mengajak (manusia) melakukan perbuatan yang baik dan menyuruh kepada yang makruf dan menegah dari yang mungkar".⁵

Di dalam hal ini, al-Juwaynī menyatakan kesemua bahagian dari syariah Islam adalah terangkum di bawah tugas *al-amr bi al-ma'rūf wa 'al-nahy 'an al-munkar*.⁶ Begitu juga Ibn Taymiyyah berpendapat bahawa yang ingin dicapai dari perlaksanaan kesemua institusi Islam samada ketenteraan, polis, kehakiman, kewangan dan *hisbah* ialah mengajak kepada yang makruf dan menegah dari yang mungkar.⁷ Oleh itu dengan mendefinisikan *hisbah* sebagai mengajak kepada yang makruf dan menegah dari yang mungkar telah merangkumkan institusi-institusi lain termasuklah orang awam yang menjalankan tugas tersebut. Dengan kata lain definisi ini bukanlah definisi yang khusus kepada *hisbah*.

Oleh itu rujukan hendaklah dibuat kepada karya-karya *hisbah* yang telah ditulis oleh para fuqaha sejak zaman awal Islam hingga abad pertengahan. Antara karya terawal yang masih boleh didapati pada hari ini ialah *Kitāb Ahkām al-Sūq* dan *Kitāb al-Ahkām fi Jāmi' Aḥwāl al-Sūq* yang ditulis oleh Yahyā b. 'Umar (meninggal 289H). Walaupun Yahyā b. 'Umar tidak menggunakan perkataan *hisbah* dan *muhtasib*, tetapi terdapat tiga elemen utama yang dibincangkan di dalam karya beliau. Elemen-elemen ini pula turut didapati di dalam karya-karya *hisbah* yang muncul beberapa ratus tahun kemudian. Ketiga-tiga elemen tersebut ialah:

- i. orang yang ditugaskan untuk mengawasi pasar dan perkara lain yang berkaitan,
- ii. tugas dan tanggungjawab yang diberikan, dan
- iii. hukuman yang dikenakan kepada pesalah.

Berdasarkan kepada elemen-elemen ini institusi *hisbah* bolehlah didefinisikan seperti berikut: "Satu institusi kerajaan yang diwakilkan kepada seorang penguasa yang dilantik, tetapi kemudian telah diserahkan kepada seorang pegawai yang khusus yang dinamakan *muhtasib* yang berperanan untuk mengawal selia aktiviti

ekonomi, keagamaan, kesihatan dan hal-ehwal perbandaran serta pentadbiran sesebuah bandar". Tujuan kawalselia ini ialah mempastikan segala aktiviti tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak dan menghukum mereka yang bersalah.⁸

2.3 Penulisan Orientalis Mengenai *Hisbah*

Ilmuan di Barat telah lama membuat kajian mengenai *hisbah*. Antara kajian terawal ialah tulisan yang dibuat oleh Walter Behrnauer pada tahun 1860.⁹ Kemudian pada tahun 1907 dan 1908, seorang lagi orientalis Barat bernama Louis Cheikho telah mengkaji karya Ibn Bassām (meninggal abad ke 7H/13M).¹⁰ Manakala pada tahun 1916, H.F. Amedroz telah menerbitkan terjemahan kepada bab terakhir dari karya al-Māwardī (meninggal 450H/1058M) *Kitāb al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah*.¹¹ Seterusnya pula pada tahun 1931, G.S. Colin dan E. Levi-Provencal telah mengkaji dan mengedit karya al-Saqatī (meninggal sekitar 500H/100M).¹² Manakala pada tahun 1934, 1947 dan 1955, E. Levi-Provencal telah mengedit dan menerbitkan karya-karya Ibn ‘Abdūn, Ibn ‘Abd al-Ra’ūf dan al-Jarsīfī.¹³ Pada tahun 1937 pula Reuben Levy telah mengedit dan menganalisa karya Ibn al-Ukhūwwah (meninggal 729H/1329M).¹⁴ Kemudian pada tahun 1953, seorang sarjana Inggeris bernama R.B. Serjeant telah menterjemahkan karya al-Nāṣir li al-Hāqq (meninggal 304H/917M).¹⁵ Kajian-kajian ilmiah tersebut masih diteruskan sehingga ke hari ini. Antara tulisan-tulisan yang khusus dan popular ialah yang di buat oleh Claude Cahen,¹⁶ Thomas Glick,¹⁷ Benjamin Foster,¹⁸ R.P Buckley¹⁹ dan J. Derek Latham²⁰ (sekadar menyebut beberapa nama). Termasuklah juga kajian-kajian ilmiah lain yang tidak memfokuskan secara khusus terhadap institusi *hisbah* seperti kajian yang dibuat oleh Gustave E. Von Grunebaum,²¹ Joseph Schacht²² dan Patricia Crone.²³

Kesungguhan ilmuan Barat untuk menjalankan kajian mengenai *hisbah* tidak dapat disangkal lagi. Bukanlah tujuan kertas kerja ini untuk mempopularkan tulisan Barat atau memberi sanjungan melangit kepada mereka. Ia mungkin sebagai perangsang kepada sarjana Muslim untuk tampil ke medan penulisan dan melengkapkan pengetahuan tentang apa yang pernah menjadi milik dan warisan kebanggaan kita.

3. Penulisan Fuqaha' Mengenai *Hisbah*

Secara umumnya karya-karya mengenai *hisbah* bolehlah dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama yang berbentuk teori dan kedua, praktikal. Karya berbentuk teori telah dihasilkan oleh para fuqaha seperti al-Māwardī, Abū Ya’lā al-Farrā’, al-

Ghazālī dan Ibn Taymiyyah. Manakala para sarjana yang kebanyakannya adalah *muhtasib* pula telah menulis karya berbentuk praktikal. Mereka seperti al-Shayzari, Ibn Bassām dan Ibn al-Ukhuwwah di Mesir, al-Saqatī, Ibn ‘Abdūn dan al-Jarsīfī di Andalus dan al-Sunāmī di India.

Karya berbentuk praktikal boleh dianggap satu bentuk penulisan hukum yang baru kerana ia bukanlah semata-mata penulisan hukum fiqh. Tetapi ia ditulis sebagai *manual* untuk dirujuk oleh *muhtasib* di dalam menjalankan tugas mereka. Pun begitu, perlu disebut bahawa karya bentuk praktikal ini sebenarnya masih merujuk kepada tulisan para fuqaha. Oleh itu kedua-dua karya ini mempunyai kaitan yang rapat antara satu sama lain.

3.1 Karya Berbentuk Teori

Antara karya-karya yang masih dapat ditemui ialah seperti berikut:

- i. *Kitāb Aḥkām al-Sūq* dan *Kitāb al-Nazar wa al-Aḥkām fī Jāmi’ Ahwāl al-Sūq*. Kedua-dua karya ini ditulis oleh Yaḥyā b. ‘Umar (meninggal 289H/901M). Yaḥyā b. ‘Umar adalah seorang faqih bermazhab Mālikī yang menetap di Qayrawān dan kemudian di Sousse, Utara Afrika. Karya beliau merupakan soalan-soalan berkenaan hukum muamalat Islam yang dikemukakan kebanyakannya oleh murid-murid beliau. Ia merupakan karya terawal mengenai institusi *hisbah* yang masih boleh didapati sehingga hari ini. Terdapat banyak karya-karya awal yang lain yang didapati hilang atau musnah.
- ii. *Kitāb al-Iḥtisāb* yang ditulis oleh al-Nāṣir li al-Haqq (meninggal 304H/917M). Al-Nāṣir adalah Imam (pemerintah) di Amul, Persia dan bermazhab Zaydī. Beliau banyak merujuk kepada ḥadīth Rasullah saw dan pendapat Saidina Ali b. Abī Ṭalib r.a.
- iii. *Kitāb al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah* yang ditulis oleh al-Māwardī (meninggal 450H/1058M). Perbincangan mengenai institusi *hisbah* telah dibuat oleh al-Māwardī pada bab yang ke dua puluh dan terakhir dari bukunya *Aḥkām* seperti yang tersebut. Karya ini dianggap sebagai karya awal yang paling lengkap dari segi membincangkan teori dan amalan *hisbah*. Pokok perbincangannya ialah mengenai definisi *hisbah*, perbezaan antara *muhtasib* dan *mutatawwi* (orang awam yang secara sukarela melaksanakan *hisbah*), kelayakan dan tanggungjawab *muhtasib*.
- iv. *Kitāb al-Aḥkām al-Sultāniyyah* yang dikarang oleh Abū Ya’lā al-Farrā’ (meninggal 458H/1066M). Abū Ya’lā al-Farrā’ dan al-Māwardī hidup

sezaman dan kedua-dua mereka memegang jawatan yang penting didalam pentadbiran Bani ‘Abbāsiyyah. Tulisan mereka mengenai *hisbah* mempunyai banyak persamaan dan perbezaan hanyalah dari segi pendapat mazhab di mana al-Māwardī berpegang kepada mazhab Shāfi‘ī manakala Abū Ya’lā al-Farrā’ juga telah menulis mengenai institusi *mazālim*.

- v. *Iḥyā’ Ulūm al-Dīn* oleh Imam al-Ghazālī (meninggal 505H/1111M). Sebenarnya perbincangan beliau mengenai institusi *hisbah* lebih tertumpu kepada tuntutan ke atas setiap umat Islam supaya menjalankan tugas *amr makrūf nahi munkar* atau dengan kata lain peranan masyarakat berkaitan dengan *hisbah*. Ini berbeza dengan al-Māwardī, Abū Ya’lā al-Farrā’ dan Ibn Taymiyyah yang lebih menekankan kepada peranan pemerintah dan institusi yang dilantik. Akan tetapi kelebihan penulisan al-Ghazālī boleh dilihat dari segi etika *muhtasib* dan elemen-elemen *hisbah* yang tidak banyak dibincangkan oleh al-Māwardī dan lain-lain.
- vi. *Al-Hisbah fī al-Islām*, karya Ibn Taymiyyah (meninggal 728H/1328M). Ini merupakan sebuah lagi karya yang berbentuk teori seperti yang telah dihasilkan oleh al-Māwardī, Abū Ya’lā al-Farrā’ dan al-Ghazālī. Akan tetapi kelebihan karya Ibn Taymiyyah ialah kerana ia telah memperincikan perbincangan menjadi sebuah buku berbeza dengan sarjana lain yang hanya satu bab sahaja. Ibn Taymiyyah juga telah menjelaskan isu-isu kontroversi seperti penetapan harga (*price-fixing* atau *tas’ir*).

3.2 Karya Berbentuk Praktikal

- i. *Kitāb Ādāb al-Hisbah* oleh al-Saqatī (meninggal sekitar 500H/1100M). Beliau adalah seorang *muhtasib* dan menetap di Andalus. Berbanding dengan penulisan sebelumnya yang banyak menumpukan kepada teori *hisbah*, tulisan al-Saqatī lebih menekankan kepada aspek praktikal yang mana ditulis khusus sebagai *manual* atau buku panduan kepada *muhtasib*. Ia merupakan antara penulisan *manual* terawal yang lengkap selain dari karya yang telah ditulis oleh al-Shayzārī.
- ii. *Kitāb Nihāyat al-Rutbah fī Talab al-Hisbah*, karangan al-Shayzārī (meninggal 589H/1193M). Al-Saqatī menetap di Andalus dan karya beliau digunakan sebagai panduan kepada *muhtasib* di Eropah dan Afrika Utara. Manakala al-Shayzārī pula hidup semasa pemerintahan sultan Salāh al-Dīn al-Ayyūbī di Mesir. Karya beliau ini telah dihadiahkan kepada sul-

- Penulisan Fuqaha Mengenai Hisbah dan Peranannya Di Dalam Merealisasikan Hukum Fiqh tan Salāh al-Din al-Ayyūbī sebagai panduan kepada pentadbiran kerajaan Ayyūbiah di Mesir.*
- iii. *Kitāb Ma'ālim al-Qurbah fī Ahkām al-Ḥisbah*, karya Ibn al-Ukhuwwah (meninggal 729H/1329M) yang menetap di Mesir. Mengikut Ibn al-Ukhuwwah, tujuan beliau menulis buku ini ialah supaya ia menjadi panduan kepada *muhtasib* untuk menjalankan tugas mereka. Oleh itu beliau lebih menekankan kepada aspek praktikal dan banyak merujuk kepada karya terdahulu yang ditulis oleh al-Shayzārī kepada 70 bab. Beliau juga banyak merujuk kepada karya al-Māwardī dan al-Ghazālī.

4. Perkembangan Institusi *Hisbah*

Institusi *hisbah* telah mengalami perubahan dan perkembangannya bersetujuan dengan keadaan semasa. Perubahan dan perkembangan institusi *hisbah* boleh dilihat dari beberapa sudut iaitu perubahan struktur organisasi dan bidang tugas pegawai yang melaksanakan hukum.

4.1 Perubahan Struktur Organisasi

Prinsip dan doktrin asas *hisbah* telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w. Namun terdapat kalangan orientalis yang menafikannya. Sebaliknya membuat kesimpulan bahawa *hisbah* adalah peniruan dari institusi *agoranomos* yang diamalkan semasa Roman Byzantine. Ini seperti pendapat Gustav E. Grenabaum.²⁴ Pandangan yang sama diberikan oleh Schacht dan beliau berpendapat perubahan dari institusi *ṣāhib al-sūq* kepada *hisbah* berlaku semasa pemerintahan 'Abbasiah.²⁵ Pendapat orientalis ini dan mereka yang sehaluan berkemungkinan disebabkan oleh 'kejahilan' mereka. Mereka juga mungkin terkeliru kerana hanya merujuk kepada karya al-Māwardī (meninggal 450H) dan membuat kesimpulan bahawa *hisbah* telah diperkenalkan oleh al-Māwardī. Sedangkan al-Māwardī sendiri ada menyebut bahawa *hisbah* telah diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. dan saidina 'Umar al-Khaṭṭāb. Cuma mungkin sedikit kekurangan yang terdapat pada karya al-Māwardī ialah beliau tidak menjelaskan perubahan struktur organisasi dan perkembangan sejarah institusi *hisbah*. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana al-Māwardī bukanlah seorang pengkaji sejarah tetapi seorang *faqīh* yang membincangkan persoalan hukum.

Sejarah telah membuktikan bagaimana asal-usul bermulanya institusi *hisbah*. Al-Ṭabarī menjelaskan sebab kenapa Allah s.w.t menurunkan surah *al-Muṭaffifīn*.

Ini kerana Rasulullah s.a.w. telah melawat pasar dan mendapati banyak penipuan telah dilakukan oleh para peniaga.²⁶ Oleh itu al-Tirmidhi dan Ibn Majah telah meriwayatkan sebuah ḥadīth dari Rasulullah s.a.w. yang telah menyelia pasar dan mendapati ada peniaga yang telah menyiram bijiannya dengan air supaya timbangan menjadi lebih berat. Rasulullah s.a.w. lantas bersabda, “*Sesiapa yang menipu kami dia bukanlah dari kalangan kami*”.²⁷ Saidina ‘Umar al-Khaṭṭāb juga pernah mengawalselia pasar dan beliau telah menghukum peniaga yang bersalah.²⁸ Perkara yang sama juga telah dilakukan oleh Saidina Alī b. Abī Talib.²⁹

Pada masa yang sama Rasulullah s.a.w telah melantik Sa’id b. Sa’id b. al-Āṣ untuk menyelia pasar di Mekah.³⁰ Manakala ‘Umar al-Khaṭṭāb pula telah melantik al-Sa’id b. Yazīd dan ‘Abd Allāh b. ‘Utbah b. Mas’ud untuk menyelia pasar di Madīnah.³¹ ‘Uthmān b. ‘Affān pula telah melantik al-Hārith b. al-Hākam untuk menyelia pasar di Madīnah.³²

Pada masa itu pegawai yang dilantik untuk mengawalselia pasar dipanggil ‘āmil alā al-sūq (penguasa pasar).³³ Selain dari ‘āmil, terdapat satu lagi petugas yang hampir menyerupai yang dinamakan ‘ārif.³⁴ Selepas itu istilah ‘āmil ‘alā al-sūq digantikan pula dengan istilah *sāhib al-sūq* dan *nāzir ‘alā al-sūq*. Istilah ini telah digunakan oleh Yahyā b. ‘Umar (meninggal 289H/901M). Di dalam karyanya, ada disebut bahawa beliau pernah ditanya secara peribadi oleh *sāhib al-sūq* (penyelia pasar) dari Susah (Sousse) Utara Afrika. Beliau pula telah menerima surat dari *sāhib al-sūq* di Qayrawān. Yahyā b. ‘Umar juga merujuk kepada penyelia pasar semasa Malik b. Anas sebagai *sāhib al-sūq*. Manakala bagi istilah *nāzir ‘alā al-sūq* pula digunakan ketika menjelaskan tugas menyelia pasar yang pada pendapat beliau merupakan tanggungjawab gabenor, *qādī* dan penyelia pasar. Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa istilah *nāzir ‘alā al-sūq* adalah lebih umum kerana ia meliputi tugas gabenor, *qādī* dan penyelia pasar.³⁵ Bolehlah dibuat andaian di sini bahawa pada masa Yahyā b. ‘Umar institusi *hisbah* masih di peringkat awal. Hal ini dapat dilihat dari jawatan yang diberikan kepada Sahnūn b. Sa’id (meninggal 204H), guru kepada Yahyā b. ‘Umar. Sahnūn dikatakan telah melaksanakan *hisbah* ketika beliau dilantik sebagai *qādī*. Oleh itu, bolehlah dikatakan jawatan *hisbah* pada masa itu telah diletakkan di bawah institusi *qadā’* (kehakiman). Ini kerana institusi *hisbah* yang berasingan masih belum diwujudkan. Kenyataan yang sama telah diberikan oleh al-Nāṣir li al-Haqq (meninggal 304H/917M) yang berpendapat *hisbah* sebagai manifestasi kepada institusi kehakiman. Walaupun al-Nāṣir li al-Haqq telah menggunakan istilah *hisbah* dan *muhtasib* namun dipercayai ia masih dirangkumkan di bawah institusi *qadā’*. Institusi *hisbah* yang berasingan wujud semasa al-Māwardī

Penulisan Fugaha Mengenai Hisbah dan Peranannya Di Dalam Merealisasikan Hukum Fiqh (meninggal 450H/1059M). Al-Māwardī telah memberikan perbezaan-perbezaan dan persamaan-persamaan yang jelas di antara institusi *muhtasib* dan *qādi*.³⁶

Oleh itu dapat dilihat di sini sejarah perkembangan institusi *hisbah* dan perubahan struktur organisasinya. Bermula dari tugas *hisbah* yang dilakukan oleh Ketua Negara atau Khalifah itu sendiri seperti Rasulullah s.a.w., saidina ‘Umar r.a., saidina ‘Uthmān r.a. dan saidina ‘Alī b. Abī Tālib r.a. Ia kemudian ditugaskan kepada seorang pegawai yang dilantik dengan gelaran ‘āmil ‘alā al-sūq (penguasa pasar). Seterusnya ia ditukar menjadi *sāhib al-sūq* dan *nazīr ‘alā al-sūq* (penguasa pasar). Akhirnya gelaran *muhtasib* diberikan. Adalah dipercayai perubahan gelaran ini selaras dengan bidang tugas *muhtasib* yang telah berkembang yang tidak hanya terbatas kepada aktiviti jual beli di pasar sahaja.

4.2 Perkembangan Bidang Tugas *Muhtasib*

Seperti yang telah dijelaskan institusi *hisbah* telah mengalami perubahan dari segi penggunaan istilah iaitu ‘āmil ‘alā al-sūq dan *nazīr ‘alā al-sūq* seterusnya menjadi *muhtasib*. Ia juga berkembang dari segi bidang tugas dan peranan pegawai yang dilantik. Tugas *hisbah* bermula dari pengawalan penipuan di pasar. Ia kemudian berkembang kepada mengawal moral masyarakat, amalan-amalan ibadah mereka, mengawal ubat-ubatan dan amalan perubatan seterusnya menguruskan hal ehwal perbandaran dan mentadbir sesebuah bandar.

Para ulamak yang menulis mengenai *hisbah* membahagikan tugas *muhtasib* kepada dua kategori iaitu *amr bi al-ma’ruf* (menyuruh kepada kebaikan) dan *nahy ‘an al-munkar* (mencegah perbuatan mungkar). Ia kemudian dibahagikan kepada 3 elemen: perkara-perkara yang melibatkan hak Allah, yang melibatkan hak manusia dan yang melibatkan kedua-dua hak Allah dan hak manusia.³⁷

Pembahagian tugas *muhtasib* dibuat berdasarkan kepada 4 kategori yang mudah untuk difahami. Tugas-tugas tersebut ialah:

- i. mengawal selia aktiviti perekonomian
- ii. menjaga ibadah dan perilaku yang menyalahi hukum agama
- iii. mengawal kesihatan dan mengawasi industri ubat-ubatan
- iv. mengurus hal ehwal perbandaran dan menjaga ketenteraman bandar

4.2.1 Mengawal Selia Aktiviti Perekonomian

Tugas mengawal selia aktiviti perekonomian adalah tanggungjawab utama *muhtasib*. Yahyā b. ‘Umar dan lain-lain penulis manual *ḥisbah* mengatakan bahawa *muhtasib* mestilah memberikan tumpuan utama mereka untuk mengawal selia aktiviti perekonomian khasnya yang berlaku di pasar. Ia juga merupakan tugas yang diwarisi semenjak zaman Rasulullah s.a.w.

Tugas mengawal selia aktiviti perekonomian boleh dibahagikan kepada 3 kategori, iaitu:

- i. Mengawasi harga barang dan menetapkan harga (*tas’īr* atau *price fixing*)
Adalah menjadi tugas *muhtasib* untuk mengawasi harga barang dan mempastikan tiada penipuan berlaku. Akan tetapi para fuqaha berselisih pendapat samada *muhtasib* boleh menetapkan harga barang atau tidak.³⁸
- ii. Mempastikan penggunaan alat alat timbang dan sukat yang betul. Yahyā b. ‘Umar mengatakan ujian hendaklah dilakukan untuk mempastikan sukatan dan timbangan yang betul. Al-Naṣir li al-Ḥaqṣ pula mengatakan alat timbangan dan sukatan mestilah dibuat dari besi dan diperakukan dengan cap mohor. Pemeriksaan mestilah dibuat untuk mempastikan perkara tersebut dilakukan. Mengikut al-Māwardī pegawai pemeriksa yang khusus seperti *kayyalīn* (pemeriksa sukatan), *wazzānīn* (pemeriksa timbangan) dan *naqqādīn* (pemeriksa matawang) hendaklah dilantik.³⁹
- iii. Mengawal selia berbagai jenis perniagaan untuk mempastikan tiada penipuan berlaku. Secara umumnya tujuan kawal selia boleh dibahagikan kepada 2 (dua) iaitu pertama untuk mempastikan hukum syarak dipatuhi dan membasmi amalan-amalan yang bertentangan dengannya. Kedua, untuk menjaga hak pengguna dengan cara menjalankan siasatan terhadap penipuan atau kecuaian penjual serta mempastikan keaslian barang.⁴⁰ Al-Māwardī dan Ibn al-Farrā’ membahagikan tugas ini kepada 3 (tiga) iaitu mempastikan kemahiran dan kejujuran peniaga serta kualiti kerja yang dihasilkan oleh mereka.⁴¹ Bagi mempastikan kualiti barang yang dijual adalah baik *muhtasib* akan dibantu oleh ketua bagi sesuatu perusahaan (*head of guild*) yang dikenali sebagai ‘ārif. Di Andalus pula dia dikenali sebagai *amīn*.⁴²

4.2.2 Menjaga Ibadah dan Perilaku Yang Menyalahi Hukum Agama

Secara umumnya, tugas *muhtasib* melibatkan 3 (tiga) perkara iaitu:

- i. Mengawasi ibadah khusus. *Muhtasib* mestilah mencegah perbuatan yang menyalahi peraturan ibadah. Ini seperti membaca secara nyaring semasa solat yang sepatutnya dilakukan dengan senyap, menambah rukun solat atau azan, cara mengambil wuduk yang salah dan sebagainya. Mengikut al-Māwardī *muhtasib* tidak boleh bertindak memarahi seseorang yang disangka telah melakukan kesilapan, kecuali apabila dia telah yakin perkara tersebut berlaku.⁴³ Termasuk di dalam bidang tugas *muhtasib* juga ialah mengawasi solat jumaat, solat kedua Hari Raya, solat berjemaah, individu yang mendirikan solat di hujung waktu, Imam yang membaca ayat Qur'an yang panjang, puasa Ramadān, zakat, pendakwah yang tidak berkelayakan⁴⁴ dan sebagainya.⁴⁵
- ii. Mengawasi perbuatan yang tidak bermoral. Perbuatan yang tidak bermoral di sini adalah termasuk perbuatan yang ditegah oleh syarak (*mahzūr*) iaitu perbuatan yang jika dilakukan akan mendapat dosa dan jika ditinggalkan akan mendapat pahala. Ia termasuk dalam kategori haram seperti perbuatan menghampiri zina. *Muhtasib* mestilah mempastikan pemisahan di antara kaum lelaki dan perempuan di tempat tertentu seperti di lorong yang sunyi. Larangan ini tidak berlaku kepada jalan yang luas yang dipenuhi dengan orang ramai.⁴⁶ Termasuk di dalam kategori perbuatan yang ditegah ialah perbuatan mewarnakan rambut putih menjadi hitam, perbuatan bertenung nasib, perbuatan meminta sedekah oleh orang yang mampu bekerja dan sebagainya.⁴⁷
- iii. Mengawasi perbuatan memiliki perkara yang dilarang. Ini termasuklah perbuatan memiliki arak, alat muzik yang ditegah, permainan yang mempunyai bentuk binatang yang ditegah dan pakaian dari sutera dan emas untuk lelaki. Bagi kesalahan orang Islam yang memiliki arak, *muhtasib* hendaklah mengambil tindakan dan membuang arak tersebut. Jika kesalahan dilakukan oleh *ahl dhimmah*, *muhtasib* hanya boleh memukulnya kerana meminumnya secara terbuka dan tidak membuang arak tersebut mengikut pendapat Abū Ḥāfiẓ.⁴⁸

4.2.3 Mengawal Kesihatan dan Mengawasi Industri Ubat-ubatan

Adalah menjadi tugas *muhtasib* untuk memastikan kesihatan orang ramai dan mencegah perbuatan yang boleh membawa penyakit. Oleh itu Yahyā b. ‘Umar tidak

membenarkan penjualan buah kurma putik yang diperam dengan cuka kerana ia membahayakan kesihatan.⁴⁹ *Muhtasib* juga hendaklah mengawasi pengamal perubatan kerana ia melibatkan nyawa dan kesihatan orang ramai. Oleh itu al-Māwardī, Abū Ya'lā al-Farrā', al-Shayzārī dan Ibn al-Ukhuwwah bersepakat mengatakan bahawa hanya mereka yang berkemahiran dan berkelayakan sahaja yang dibenarkan mengubati penyakit orangramai. Pengawasan hendaklah dilakukan kepada penjual ubat-ubatan (*sharrābin*), ahli farmasi (*ṣayādilah*) dan doktor (*atibba'*) yang merawati penyakit.⁵⁰

4.2.4 Mengurus Hal Ehwal Perbandaran dan Menjaga Ketenteraman Bandar

Menjadi tugas *muhtasib* juga untuk mengawasi pentadbiran dan mempastikan ketenteraman sesebuah bandar. Tugas ini boleh dibahagikan kepada 3 (tiga) bahagian iaitu:

- i. Mengekalkan keselesaan kemudahan awam. Menjadi tugas *muhtasib* untuk mempastikan kemudahan awam seperti bekalan air bersih, tembok, bangunan awam, masjid dan sebagainya berada di dalam keadaan yang baik. *Muhtasib* boleh mendapatkan bantuan kewangan dari Jabatan Perbendaharaan untuk tujuan memperbaiki kemudahan awam tersebut. Jika tiada peruntukan, *muhtasib* boleh mengumpulkan dana dari sumbangan orangramai tanpa mendapatkan keizinan dari pihak kerajaan.⁵¹
- ii. Menyelesaikan perbalahan antara jiran tetangga. Ini termasuk di dalam perkara-perkara kecil yang tidak melibatkan pentafsiran undang-undang. Jika demikian, kes tersebut akan dibawa ke mahkamah untuk diselesaikan oleh *qādi*. Tugas *muhtasib* hanyalah menyelesaikan perbalahan yang kecil yang telah jelas kesalahannya seperti masaalah mendirikan bangunan atau atap yang memasuki kawasan tanah jiran dan seumpama dengannya. Apabila aduan dikemukakan kepadanya, *muhtasib* hendaklah mengarahkan supaya bangunan atau atap tersebut dibuang. Jika berlaku percanggahan mengenai undang-undang, *muhtasib* hendaklah membawa kes tersebut ke mahkamah. Jika dahan atau akar pokok memasuki kawasan jiran, *muhtasib* tidak boleh membuang dahan atau mencabut akar tersebut kerana ia bukan kesalahan jirannya. Jiran juga tidak boleh mengadu mengenai ketidaksesuaian yang timbul akibat dari asap yang keluar dari dapur jirannya. Begitu juga ketidaksesuaian akibat dari perusahaan yang sah di sisi undang-undang tidak boleh diarahkan supaya ditutup kerana mengganggu keselesaan jiran.⁵²

- iii. Menjaga ketenteraman awam. Ini termasuklah di dalam kes pemberian nafkah kepada ahli keluarga, cubaan untuk melewatkkan pembayaran hutang oleh orang yang mampu, penerimaan wasiat dan amalan *wadī’ah* (iaitu pemberian amanah untuk menjaga harta), perkahwinan janda, hukum ‘iddah, penjagaan terhadap hamba, peraturan di pasar, menggali semua mayat yang ditanam, dan pengawasan terhadap pengemudi kapal dan guru yang mengajar kanak-kanak.⁵³

5. Kesimpulan

Institusi *hisbah* telah mengalami perubahan dan perkembangan yang pesat samada dari segi struktur organisasinya atau bidang tugas pegawai yang dilantik. Di zaman pertengahan Islam *hisbah* telah berkembang dan mendapat pengiktirafan sebagai sebuah institusi yang berdaya maju. Contohnya al-Shayzārī yang telah menghasilkan karya *par-excellence* atas permintaan sultan Salāh al-Dīn al-Ayyūbī. Peranan *muhtasib* juga semakin mencabar terutama di dalam menangani bentuk-bentuk penipuan yang kompleks seperti peniruan ubat-ubatan, di samping berperanan untuk menjalankan *quality control* bagi setiap barang yang berada di pasaran. Akan tetapi tugas *muhtasib* menjadi bertambah mudah kerana usaha fuqaha. Pujian dan tahniah patut diberikan kepada fuqaha yang telah menghasilkan karya-karya mereka untuk dijadikan sebagai manual kepada para *muhtasib*. Karya-karya ini adalah suatu bentuk penulisan fiqh dalam wajah yang berlainan kerana ia menjurus kepada bentuk praktikal. Ia bukanlah semata-mata buku fiqh sebaliknya telah merealisasikan hukum fiqh sendiri.

Nota Hujung

1. Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, 1:305. Lihat juga al-Sunāmī, *Niṣāb al-Iḥtisāb*, ms. 2. Ibn ‘Abdūn, *Risālah*, ms. 8. Pemakaian maksud ini telah digunakan di dalam sebuah ḥadīth Rasulullah s.a.w yang bermaksud: “*Sesiapa yang berpuasa Ramadhan dengan penuh keimanan kepada Allah dan mengharapkan ganjaran pahala dariNya (iḥtisāban), Allah akan mengampunkan dosa-dosanya yang lalu*”.
2. Al-Sunāmī, *Niṣāb al-Iḥtisāb*, op.cit.
3. Al-Muzānī, *Al-Mukhtaṣar*, dicetak di dalam al-Shāfi’ī, *Al-Umm*, vol. 8, ms. 191; Ibn Qayyim, *Al-Turuq*, ms. 263.

4. Lihat Dr. Ahmad bin Che Yaacob, "Pengenalan Institusi Hisbah", *Tamaddun*, September 1998, ms. 67.
5. Al-Qur'an 3:104.
6. Al-Juwaynī, *al-Ghiyāth*, ms. 237-8.
7. Ibn al-Taymiyyah, *al-Hisbah*, ms. 13.
8. Lihat Dr. Ahmad bin Che Yaacob, "Pengenalan Institusi Hisbah", *Tamaddun*, September 1998, ms. 67.
9. Behrnauer, "Memoire sur les Institutions de Police chez les Arabes, les Persans et les Turcs", *Journal Asiatique*, 1860, xv, ms. 461-509, xvi, ms. 114-190. Beliau telah mengkaji karya *hisbah* karangan al-Shayzari (meninggal 589H/1193M) bertajuk "*Kitāb Nihāyat al-Rutbah fī Talab al-Hisbah*".
10. Lihat Partington, *The Niṣāb al-Iḥtiṣāb*. Unpublished Ph.D Thesis, Princeton University, 1961, ms. 19. P.C. Gendron, "*el senor del zoco en espana*" *edades media y moderna*. Madrid, 1973, ms. 652.
11. Amedroz, "The Hisba Jurisdiction in the Ahkām al-Sultāniyyah of al-Māwardī", *Journal of the Royal Asiatic Society*, 1916, ms. 77-101.
12. E. Levi-Provencal dan G.S. Colin, *Un Manuel Hispanique de Hisba*, Paris, 1931.
13. E. Levi-Provencal (ed.) *Trois Traites Hispanique de Hisba*, Le Caire, 1955.
14. Ibn al-Ukhūwwah, *Kitāb Ma 'alim al-Qurbah fī Ahkām al-Hisbah*, edited and abridged translation by Reuben Levy, Cambridge, 1937.
15. R.B. Serjeant, "A Zaydī manual of Hisbah of the 3rd Century (H)", *Revista degli Studi Orientali*, 1953, ms. 1-34.
16. Salah satu contoh kajian beliau ialah CI. Cahen dan M. Talbi, "Hisba", *Encyclopaedia of Islam*, 2 nd edition, vol. 3, 1971, ms. 485-493.
17. Salah satu contoh kajian beliau ialah Thomas Glick, "Muhtasib and Mustasaf", *VIATOR*, vol. 2, 1971, ms. 59-81.
18. Benjamin Foster, "Agoranomos and Muhtasib", *Journal of Economic and Social History of the Orient*, 1970, ms. 120-144.
19. R.P. Buckley, "The Muhtasib", *ARABICA*, 1992, ms. 59-65.
20. Salah satu kajian beliau ialah J. Derek Latham, "Some Observations on the bread trade in Muslim Malaga (ca. A.D. 1200)", *Journal of Semitic Studies*, 1984, ms. 111-122.
21. G.E. von Grunebaum, *Classical Islam*, terjemahan oleh Katherine Watson, London, 1970.
22. Schacht, *Introduction to Islam*, Oxford, 1964.

Penulisan Fugaha Mengenai Hisbah dan Peranannya Di Dalam Merealisasikan Hukum Fiqh

23. Crone, Roman, *Provincial and Islamic Law; The Origin of Islamic Patronage*, Cambridge, 1987.
24. Grunebaum, *Classical Islam*, diterjemah ke dalam bahasa Inggeris oleh Katherine Watson, ms. 100-1.
25. Schacht, *Introduction to Islamic Law*, ms. 25. pandangan yang sama juga diberikan oleh Nicola Ziadeh, *Urban Life in Syria*, ms. 118. Begitu juga pendapat Gaudefroy-Demombynes, "Sur les origines de la justice musulmane", *Mélanges syriens offerts à René Dussaud*, Paris, 1939, vol. II, ms. 828. Beliau dikatakan orang yang pertama berhujah mengatakan institusi hisbah adalah saduran dari agoranemos.
26. Al-Tabarī, *Tafsīr*, vol. 12, ms. 483.
27. Al-Tirmidhī, *Sunan*, vol. 3, ms. 597; Ibn Majāh, *Sunan*, vol. 2, ms. 749.
28. Al-Tabarī, *Tārīkh*, vol. 5, ms. 23. Ibn al-Jawzī, *Mañaqib ‘Umar al-Khaṭṭāb*, ms. 112.
29. Bukti-bukti ini boleh didapati kebanyakannya dari karya al-Nāṣir li al-Haqq (meninggal 304H/917M). Mengikut R.B. Serjeant karya ini banyak merujuk kepada amalan Saidina ‘Alī b. Abī Tālib kerana penulisnya bermazhab Zaydī. R.B. Serjeant, "A Zaydī Manual", *RSO*, ms. 7.
30. Ibn ‘Abd al-Barr al-Qurtubī, *al-Isti‘āb fī Ma‘rifat al-Ashāb*, dicetak di tepi karangan Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *al-Isabah fī Tamyīz al-Šāhābah*, vol. 1, ms. 285.
31. Ibn Sallām, *Kitāb al-Amwāl*, ms. 533. Ibn ‘Abd al-Barr al-Qurtubī, *al-Isti‘āb*, vol. 2, ms. 576, *Kanz al-‘Ummal*, vol. 5, ms. 815.
32. Al-Baladuri, *Ansāb al-Ashraf*, vol. 5, ms. 47.
33. Istilah ‘āmil juga digunakan untuk merujuk kepada pegawai-pegawai lain yang dilantik seperti pemungut zakat dan gabenor di wilayah-wilayah. A.A. Duri, *Encyclopaedia Islam*, vol. 1, ms. 435-6. Lihat juga Watt, *Muhammad in Medina*, Appendix, ms. 366-367.
34. ‘Ārif berperanan sebagai ketua sesuatu kabilah dan memberi maklumat kepada pemimpin berkenaan orang yang dipimpinnya. Jawatan ‘ārif kemudian telah digunakan dengan meluas untuk merujuk kepada ketua bagi sesuatu profesi (*head of a guild*), sementara ia juga dikenali sebagai *amīn*. Perlu juga disebut di sini bahawa pada abad ke 6H ‘ārif dan *amīn* merupakan pegawai pembantu kepada *muhtasib*. Saleh A, El-Ali dan CI Cahen, "Ārif", *Encyclopaedia of Islam*, vol. 1, ms. 629.
35. Yahyā b. ‘Umar, *Kitāb al-Ahkām fī Jami‘ Ahwāl al-Sūq*, ms. 47, 73.
36. Lihat Dr. Ahmad bin Che Yaacob, *The Development of the Theory of the Institution of Hisbah in Medieval Islam*, tesis Ph.D. University of Edinburgh, 1996. Tidak diterbitkan. ms. 2-13.

37. Al-Māwardī, *Al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, ms. 243, 247. Abu Ya‘lā al-Farrā’, *Al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, ms. 271, 275. Ibn al-Ukhuwwah, *Ma‘alim al-Qurbah*, ms. 22, 27. Al-Ghazālī, *Iḥyā’ Ulūm al-Dīn*, ms. 428-436.
38. Secara umumnya mazhab Shāfi‘ī dan Ḥanafī serta Shī‘ah Zaydī tidak membenarkan penetapan harga. Mazhab Mālikī dan Ḥanbalī pula membenarkannya. Lihat Dr. Ahmad bin Che Yaacob, tesis Ph.D, ms. 191-192.
39. *Ibid.* ms. 194-8.
40. *Ibid.* ms. 199.
41. Al-Māwardī, ms. 256. Abū Ya‘lā al-Farrā’, ms. 286.
42. Saleh A. El-Ali dan CI Cahen, “‘Ārif”, *Encyclopaedia of Islam*, vol. 1, ms. 629. Lihat Dr. Ahmad bin Che Yaacob, tesis Ph. D, ms. 9 dan ms. 207.
43. Contohnya apabila dia mensyaki seseorang tidak menyempurnakan mandi *janābah* atau telah meninggalkan solat dia tidak boleh memarahinya. Tetapi *muhtasib* boleh menasihatinya dan memberikan amaran mengenai bahaya yang akan menimpa. Al-Māwardī, ms. 247. Al-Ghazālī, ms. 420.
44. Al-Māwardī mengatakan *muhtasib* hendaklah menghalang penceramah tersebut jika diketahui kesalahannya. Jika *muhtasib* tidak pasti, dia bolehlah membuat siasatan dan menguji ilmu pengetahuan pendakwah tersebut. Al-Māwardī telah memberi contoh kes Saidina ‘Alī b. Abī Tālib r.a. dan Ḥasan al-Baṣrī. ‘Alī telah menguji Ḥasan al-Baṣrī yang sedang menyampaikan ajaran kepada orang ramai dengan bertanya, “*Apakah asas kepada agama dan apakah yang menyebabkan keruntuhaninya?*”. “*Asasnya ialah warak dan sebab kemusnahannya ialah sikap tamak*”, jawab Ḥasan al-Baṣrī. ‘Alī kemudiannya membenarkan beliau bercakap dengan orang ramai. Al-Māwardī ms. 248-9.
45. Lihat Dr. Ahmad bin Che Yaacob, tesis Ph.D., ms. 213-225.
46. Al-Māwardī, ms. 249. Abū Ya‘lā al-Farrā’, ms. 277-8, Ibn al-Ukhuwwah, ms. 30.
47. Lihat Dr. Ahmad bin Che Yaacob, tesis Ph.D., ms. 225-231.
48. Al-Māwardī, ms. 251.
49. Yahyā b. ‘Umar, ms. 70-71
50. Lihat Dr. Ahmad bin Che Yaacob, tesis Ph.D., ms. 241-281.
51. Al-Māwardī, ms. 245-6. Abū Ya‘lā al-Farrā’, ms. 273, Ibn al-Ukhuwwah, ms. 26.
52. Al-Māwardī, *Al-Aḥkām*, ms. 255.
53. Lihat Dr. Ahmad bin Che Yaacob, tesis Ph.D., ms. 285.